

Mesti ada 'tukang pesan'

■ Sindiket seludup daging perlu disiasat dengan teliti elak kompromi isu halal

Skuad Khas Harian Metro
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pihak berwajib perlu menyasat sehingga akar umbi untuk mengenal pasti pihak yang menjadi dalang penyeludupan bahan makanan mentah seperti ayam, itik dan daging sejuk beku dan memastikan dalang itu dikenakan hukuman berat.

Saranan itu dilontarkan Ketua Aktivistis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) Datuk Nadzim Johan yang menyifatkan perkara itu kesalah besar terutama membabitkan isu halal dan kesihatan.

Menurutnya, sudah pasti ada pihak dalam negara membuat pesanan kerana pihak luar tidak akan ke negara ini membawa bahan makanan itu dalam jumlah besar.

"Siasat semula rekod urusan niaga supaya dapat siapa dalang membawa makanan

tangga saja," katanya ketika dihubungi Harian Metro, di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan eksklusif akhbar ini yang disiarkan di muka depan kelmarin bertajuk '500 Tan Daging Hantu'.

Laporan memetik, rampasan 18 kontena mengandungi lebih 500,000 kilogram (kg) ayam, itik dan daging sejuk beku diseludup dari China mengundung persoalan mengenai status halal bahan mentah itu kerana berkemungkinan ada yang pernah lolos dan berada di pasaran.

Sindiket penyeludupan antarabangsa dipercayai turut dianggotai wariga tempatan itu cuba menyeludup masuk bahan mentah berkenaan tanpa permit, sijil halal dan sijil kesihatan melalui Pelaburan Tanjong Pelepas (PTP), Johor.

Bagaimanapun, cubaan mereka gagal apabila dikesan petugas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Ma-

laysia (MAQIS) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang melakukan pemeriksaan.

Mengulas lanjut kes itu, Nadzim berkata kebimbangan PPIM yang paling utama adalah halal dan kedua-nya bahan mentah berisiko beracun atas sebab tertentu.

"Pengguna perlu berhati-hati kerana rampasan selupamanya bukanlah kes tunggal yang pernah berlaku di negara ini sebaliknya isu saban tahun.

"Apabila membeli bahan mentah dengan harga

murah di pasar raya besar contohnya perlu ada peragaan mahu menyelidik status halal, contohnya ayam.

"Pengguna wajar meletakkan diri dalam keadaan yang kurang terdedah dengan bahaya. Apapun, saya minta kerajaan buatlah sesuatu kerana ini satu perkara serius. Itu belum lagi sembelihan di sini yang tak tentu halal termasuk ketika memproses membitkan isu kebersihan," katanya.



Apabila dapat dalang itu pastikan dia dikenakan hukuman berat
Nadzim

